

B533
MAHATHIR

1981

ALOR SETAR, 23 MEI (BERNAMA)— DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD HARI INI MENINGATKAN CALON-CALON YANG BERTANDING MEREbut JAWATAN DALAM UMNO SUPAYA JANGAN MENGGUNAKAN KUASA KERAJAAN UNTUK KEPENTINGAN DIRI SENDIRI.

TIMBALAN PERDANA MENTERI MENEGASKAN KUASA KERAJAAN CUMA BOLEH DIGUNAKAN UNTUK KEPENTINGAN RAKYAT SAHAJA DAN BUKAN UNTUK KEPENTINGAN PARTI ATAU SESEORANG CALON.

CALON-CALON YANG BERTANDING MEREbut SESUATU JAWATAN HENDAKLAH MENGGUNAKAN KUASA-KUASA YANG DIPERUNTUKKAN OLEH PARTI UNTUK MEN-DAPATKAN SEKONGAN.

DATUK SERI DR. MAHATHIR YANG JUGA TIMBALAN PRESIDEN UMNO MENYATAKAN BELIAU TIDAK INGIN MELIHAT SESIAPA PUN MENGGUNAKAN KUASA ATAU JENTERA KERAJAAN BAGI KEPENTINGAN PERIBADI.

BELIAU BERUCAP DEMIKIAN KETIKA MERASMIKAN PERSIDANGAN PERWAKILAN UMNO BAHAGIAN KUALA KEDAH DI STADIUM DATO SYED OMAR DI SINI.
—BERSAMBUNG 1436/AH

B534
MAHATHIR - 2 ALOR SETAR

DATUK SERI DR. MAHATHIR JUGA MENYATAKAN RASA DUKACITANYA KERANA ADA PIHAK YANG MEMBUAT DESAKAN UNTUK Mendapatkan SEUATU DARI TOKOH-TOKOH YANG BERTANDING JAWATAN TINGGI DALAM PARTI JIKA TOKOH TERSEBUT MAHUKAN SOKONGAN.

PERKARA TERSEBUT TIDAK SEHARUSNYA BERLAKU KERANA IANYA AKAN MEMBAWA KEPADA PERBUATAN RASUAH YANG TIDAK DIKEHENDAKI OLEH UMNO SAMA SEKALI, TEGASNYA.

DATUK SERI DR. MAHATHIR JUGA MENINGATKAN PARA PENYOKONG SESEORANG CALON ITU SUPAYA JANGAN MENGGUNAKAN TEKTIK KURANG SIHAT SEPERTI MENCACI, MERENDAH DAN MEMBURUK-BURUKKAN CALON LAWAN SEMATA-MATA UNTUK Mendapatkan KEMENANGAN.

KATANYA, PERBUATAN TERSEBUT HANYA AKAN MEMBOLEHKAN MUSUH-MUSUH UMNO MENGAMBIL KESEMPATAN UNTUK MELEMAHKAN PARTI ITU.

DATUK SERI DR. MAHATHIR MENGAKUI BAHAWA PEMILIHAN PUCUK PIMPINAN DALAM UMNO KALI INI MEMBAWA SEDIKIT MASALAH KERANA TERDAPAT PERBALAHAN KECIL SUNGGUHPUN +TIDAK SAMPAI KE TARAF MEMBALING KERUSI+.

—BERSAMBUNG 1440/AH

B535
MAHATHIR 3 ALOR SETAR

MENURUTNYA, PERBALAHAN TERSEBUT TIMBUL KERANA TERDAPAT KEMPEN-KEMPEN YANG DI JALANKAN UNTUK Mencari PENGARUH DAN SOKONGAN.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA KEBURUKAN TIDAK SEHARUSNYA TIMBUL JIKA KEMPEN-KEMPEN YANG DIJALANKAN MENGIKUT ATURAN DAN PERATURAN YANG DITETAPKAN UNTUK KEPENTINGAN PARTI.

BELIAU MENINGATKAN AHLI-AHLI UMNO SUPAYA JANGAN TERLALU ASYIK BERKEMPEN TANPA MEMIKIRKAN PARTI DAN NEGARA.

TIMBALAN PERDANA MENTERI YAKIN AHLI-AHLI UMNO AKAN MENJALANKAN PEMILIHAN PUCUK PIMPINAN SECARA TERTIB KERANA MEREKA MERUPAKAN GOLONGAN YANG BERFIKIRAN MATANG.

BELIAU MEMBERI JAMINAN BAHAWA PERJUANGAN UMNO TIDAK AKAN TERGUGA WALAUPUN PARTI ITU MENUKARKAN PEMIMPINNYA 100 KALI KERANA TUGAS UMNO TERHADAP BANGSA, AGAMA DAN TANAH AIR TETAP TIDAK BERUBAH. —
BERSAMBUNG 1437/MD

KEJAYAAN NEGARA BERGANTUNG KEPADA KEPIMPINAN UMNO DAN SETIAP AHLI HENDAKLAH MEMAINKAN PERANAN MASING-MASING DENGAN MENGUTAMAKAN NEGARA DARI SEGALA-GALANYA.

MENGENAI PENGUNDURAN DATUK HUSSEIN ONN SEBAGAI PRESIDEN UMNO, DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA CARA DATUK HUSSEIN MENGUNDURKAN DIRI DENGAN SENDIRINYA MEMBUKTIKAN KEYAKINAN DAN KEPERCAYAANNYA TERHADAP KEMATANGAN AHLI-AHLI UMNO.

+DATUK HUSSEIN MENYERAHKAN PEMILIHAN PENGGANTI DAN PUCUK PIMPINAN PARTI KEPADA PARA AHLI KERANA BELIAU AKAN BERSARA SEMASA PARTI AKAN MENGADAKAN PEMILIHAN PUCUK PIMPINAN.

JIKA IA MAHU, DATUK HUSSEIN BOLEH BERSARA SETAHUN LALU ATAU SETAHUN SELEPAS PERSIDANGAN AGUNG KALI INI DI MANA AHLI-AHLI TIDAK AKAN DIBERI PELUANG MEMILIH PUCUK PIMPINAN NEGARA+, TAMBAH BELIAU.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA PERWAKILAN AKAN MENENTUKAN KEDUDUKAN PEMIMPIN DAN BELIAU MENYERU MEREKA SUPAYA JANGAN MENGECEWAKAN HARAPAN DAN KEPERCAYAAN DATUK HUSSEIN. --BERSAMBUNG 1443/MD PARA 3 BACA: PUCUK PIMPINAN PARTI (ULANG) PIMPINAN....

B537

MAHATHIR 5 ALOR SETAR

KATANYA, DALAM UMNO SETIAP ORANG MEMPUNYAI PELUANG UNTUK MENJADI PEMIMPIN TANPA MENGIRA SEMADA IANYA ORANG KANAN ATAU KIRI.

BELIAU MENEGASKAN SISTEM DEMOKRASI YANG DIAMALKAN OLEH UMNO MENJAMIN KEDUDUKAN SESEORANG PEMIMPIN KERANA AHLI-AHLI UMNO CUKUP MATANG UNTUK MEMBUAT PENENTUAN.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA SEBAGAI CONTOH, BELIAU SENDIRI PERNAH TERSINGKIR DARI UMNO DAN KERANA KEMATANGAN DAN AHLI-AHLI UMNO TIDAK MEMPUNYAI PERASAAN DENDAM, BELIAU DITERIMA SEMULA SEHINGGA DIPILIH SEBAGAI TIMBALAN PRESIDEN.

TERDAHULU DARI ITU, KETUA UMNO BAHAGIAN KUALA KEDAH, DATUK SENU ABDUL RAHMAN MENSIFATKAN DATUK SERI DR. MAHATHIR SEBAGAI SEORANG PEMIMPIN YANG TEGAS, BERANI DAN BERTERUS-TERANG.

BELIAU PERCAYA PENTADBIRAN UMNO DAN KERAJAAN PIMPINAN DATUK SERI DR. MAHATHIR KELAK AKAN BERTAMBAH KUKUH DAN KUAT.

DATUK SENU YAKIN DATUK SERI DR. MAHATHIR AKAN TERUS MENGEKALKAN SEMANGAT KEBANGSAAN YANG MENJADI DASAR PERJUANGAN UMNO DAN KEPIMPINANNYA AMAT DIPERLUKAN OLEH UMNO PADA MASA SEKARANG. --BERNAMA 1448/1